

Rasulullah ikutan sepanjang zaman

Keayaan Rasulullah SAW dalam mengembangkan Dakwah Islamiyyah sehingga tertegaknya sebuah negara Islam adalah berasaskan kepada pendekatan diamalkan Baginda, iaitu secara wasatiyyah. Wasatiyyah merujuk kepada pelaksanaan Islam secara berhikmah dan seimbang bagi menentukan tidak berlaku kekerasan, kezaliman ke atas hak manusia.

Pada masa sama, agama Islam dijunjung dan dimartabatkan serta tidak juga meminggirkan penganut agama lain untuk terus mengamalkan ajaran mereka. Maka dengan sendirinya masyarakat Islam dapat dibentuk sebagai umat yang terbaik.

Cara terbaik umat Islam dalam menghayati perjuangan Rasulullah SAW adalah dengan menghidupkan syariat dan syiar dibawa Baginda semenjak 1,400 tahun lalu. Rasulullah SAW adalah seorang Rasul yang menyelesaikan segala permasalahan umat dan menyempurnakan amanah

Allah SWT sewaktu hayat Baginda dengan meninggalkan dua khazanah amat berharga sebagai panduan hidup iaitu al-Quran dan Sunnah Nabawiyyah.

Maulidur Rasul pada dasarnya adalah sebahagian aktiviti dakwah Islam. Ia bertujuan mentarbiah, membimbing dan mengingatkan umat Islam agar menghargai apa dikurniakan Allah SWT. Antara pengajaran tersirat yang dapat kita perolehi ialah nilai dan usaha berterusan dalam memperingati perjuangan Rasulullah SAW sebagai pesuruh Allah SWT dalam menegakkan ajaran Islam, juga sebagai Rasul dan Nabi terakhir.

Tokoh teragung

Tambahan lagi Rasulullah SAW diiktiraf sebagai tokoh teragung sepanjang zaman kerana Baginda berjaya membawa perubahan besar kepada landskap akidah, syariah dan akhlak seluruh juzuk hidup manusia. Malah hingga ke hari ini peribadi suci Rasulullah

SAW masih dikagumi musuh Islam.

Maka kita perlu memberi perhatian supaya sirah perjuangan Rasulullah SAW diteladani, diulang kaji, dirujuk dan disebarkan setiap masa, supaya kekal dalam ingatan dan jiwa manusia.

Malangnya kita sangat kesal jika sambutan atau majlis diadakan setiap tahun tidak dihayati sepenuhnya dengan pengisian yang tepat oleh umat Islam. Lebih menyedihkan ialah pada satu masa kita mengagungkan Rasulullah SAW dan pada masa yang lain pula kita juga melakukan maksiat ataupun perkara dilarang Rasulullah SAW.

Dalam menghadapi cabaran semasa, sudah pasti kefahaman umat Islam terhadap ajaran Rasulullah SAW perlu dikukuhkan. Antara cara dianjurkan untuk memupuk nilai cintakan Rasulullah SAW supaya sentiasa menjadi *role model* dalam kehidupan kita adalah:

- Menyayangi Rasulullah

SAW melebihi kasih sayang yang lain dengan cara menghayati kisah Rasulullah SAW, menerapkan sifat mulia Baginda ke dalam kehidupan seharian.

- Memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Rasulullah SAW serta ahli keluarga Baginda.

- Menjadikan sunnah Rasulullah SAW sebagai ikutan.

Contoh ikutan terbaik

Kesimpulannya, Rasulullah SAW adalah contoh ikutan terbaik bagi seluruh umat manusia. Hari ini ramai tokoh yang lahir tampil membuat kita kagum, namun personaliti Rasulullah SAW dan kebijaksanaan Baginda jauh lebih hebat hatta membawa perubahan kepada dunia seluruhnya sejak lebih 1,400 tahun lalu.

Baginda menampilkan transformasi besar kepada aspek sosial masyarakat, pemerintahan dan keteladanan yang boleh dicontohi umatnya. Sesungguhnya, kelahiran Rasulullah SAW membawa rahmat seluruh alam.

Dr Nurkhamimi Zainuddin,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama
USIM.